



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGLIBATAN IBU BAPA DALAM DIDIKAN KANAK-KANAK DI TASKA KEMAS, PERAK

NORJUMIRA BINTI ABD RAOF



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK) (MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2019



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti penglibatan ibu bapa dalam didikan kanak-kanak di TASKA KEMAS, Perak. Objektif kajian ini ialah untuk mengenal pasti tahap penglibatan ibu bapa daripada perspektif ibu bapa dan guru serta mengkaji kerjasama ibu bapa di TASKA KEMAS. Kajian tinjauan menggunakan instrumen soal selidik dan kajian kualitatif menggunakan temu bual. Sampel terdiri daripada 47 orang ibu bapa dan 28 orang guru TASKA KEMAS. Data kuantitatif dianalisis menggunakan statistik deskriptif seperti min, sisihan piawai dan peratusan. Data kualitatif pula dianalisis secara tematik oleh Boyatzis (1998) berdasarkan transkrip temu bual. Dapatkan kuantitatif menunjukkan penglibatan ibu bapa daripada perspektif mereka berada pada tahap yang sederhana ($\text{min} = 3.234$, $\text{SP} = 0.757$). Daripada perspektif guru pula, penglibatan ibu bapa di TASKA juga berada pada tahap yang sederhana ($\text{min} = 3.365$, $\text{SP} = 0.667$). Dapatkan kajian kualitatif pula mendapati kerjasama daripada ibu bapa di TASKA KEMAS masih kurang memuaskan dari segi bentuk kerjasama yang diberikan oleh ibu bapa kerana halangan besar ibu bapa adalah kekangan masa. Kesimpulannya, penglibatan dan kerjasama daripada ibu bapa dalam didikan kanak-kanak di TASKA masih lagi sederhana dan perlu ditingkatkan untuk kepentingan perkembangan kanak-kanak. Implikasi kajian ini menunjukkan penglibatan dan kerjasama daripada ibu bapa penting untuk meningkatkan kefahaman yang mendalam berkaitan keperluan dan kepentingan kanak-kanak serta memberi sokongan dan manfaat dalam pembelajaran kanak-kanak di TASKA. Penganjuran aktiviti dan program yang dianjurkan oleh guru hendaklah mengikut kesesuaian masa ibu bapa agar penglibatan ibu bapa dapat dikekalkan secara konsisten.





PARENTS' INVOLVEMENT IN CHILDREN'S EDUCATION AT TASKA KEMAS, PERAK

ABSTRACT

This research aim to identify parents' involvement in children's education at TASKA KEMAS Perak. The objectives of this research were to identify the level of parental involvement from the parents' and teachers' perspectives and also to review the collaboration from parents at TASKA KEMAS. The survey research utilized a questionnaire and the qualitative research was conducted using interviews. The sample consisted of 47 parents and 28 teachers of TASKA KEMAS. The quantitative data were analyzed using the descriptive statistic such as mean, standard deviation and percentage. The qualitative data were analyzed in a thematic by Boyatzis (1998) based on the interviews transcripts. The finding of quantitative showed that the level of parental involvement from their perspective was at a moderate level (mean = 3.234, SD = 0.757). From the teacher, perspective, the involvement of parents in TASKA was also at a moderate level (mean = 3.365, SD = 0.667). The findings of qualitative studies showed that parents' cooperation in TASKA KEMAS was still unsatisfactory in terms of the forms of cooperation given by the parents because the big obstacles parents is time constraints. In conclusion, the parents involvement and cooperation in the upbringing of children TASKA is still modest and should be increased to the importance of the development of the child. Implications this study shows the parents involvement and cooperation are essential to increase deep understanding of related needs and interests of children as well as provide support and benefits in children's learning in TASKA. The organization of the activities and programmes organized by teacher should be according to the suitability of the time of the parents so that parental involvement can be maintained consistently.





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN DAN SIMBOL	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvii

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	3
1.3	Penyataan Masalah	10
1.4	Tujuan Kajian	14
1.5	Objektif Kajian	14





1.6	Persoalan Kajian	14
1.7	Kerangka Konsep	15
1.8	Kepentingan Kajian	15
1.9	Batasan Kajian	17
1.10	Definisi Operational	18
	1.10.1 Penglibatan Ibu Bapa	18
	1.10.2 TASKA	19
	1.10.3 Kanak-kanak	20
	1.10.4 Didikan	20
1.11	Kesimpulan	21



2.1	Pendahuluan	22
2.2	Teori- teori Berkaitan	23
	2.2.1 Teori Pembangunan Sistem Ekologi	23
	2.2.2 Teori Epstein	30
	2.2.3 Model Proses Penglibatan Ibu Bapa	32
2.3	Kerangka Teori	35
2.4	Kajian-kajian Lepas Berkaitan	36
	2.4.1 Penglibatan Ibu Bapa dalam Aktiviti Kanak- kanak	36
	2.4.2 Kerjasama daripada Ibu Bapa	44
2.5	Kesimpulan	47





BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pendahuluan	48
3.2	Reka Bentuk Kajian	49
3.2.1	Kuantitatif	50
3.2.2	Kualitatif	51
3.3	Populasi dan Pensampelan	51
3.3.1	Pemilihan Sampel Data Tinjauan	52
3.3.2	Pemilihan Sampel Data Temu Bual	53
3.4	Kaedah Pengumpulan Data	54
3.4.1	Kuantitatif	54
3.4.1.1	Soal Selidik	54
3.4.2	Kualitatif	54
3.4.2.1	Temu Bual	54
3.5	Instrumen Kajian	55
3.5.1	Soal Selidik	55
3.5.1.1	Soal Selidik A : Ibu Bapa/Penjaga	56
3.5.1.2	Soal Selidik B : Guru	57
3.5.2	Temu Bual	57
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan	59
3.6.1	Kesahan Kandungan	59
3.6.2	Kesahan Muka	61
3.6.3	Kesahan Konstruk	61





3.6.4	Kebolehpercayaan Instrumen	61
3.6.4.1	Kebolehpercayaan Kaedah Tinjauan	62
3.6.4.2	Kebolehpercayaan Temu Bual	65
3.7	Kajian Rintis	66
3.8	Prosedur Pengumpulan Data	66
3.8.1	Prosedur Pengumpulan Data Tinjauan	67
3.8.2	Prosedur Pengumpulan Data Temu Bual	69
3.9	Kaedah Analisis Data	71
3.10	Kesimpulan	72

BAB 4 DAPATAN KAJIAN



4.1	Pendahuluan	
4.2	Analisis Kenormalan	74
4.3	Analisis Deskriptif (Kuantitatif)	75
4.3.1	Analisis Demografi	75
4.3.1.1	Demografi Ibu Bapa	76
4.3.1.2	Demografi Guru	79
4.3.2	Analisis Dapatan Kajian	83
4.3.2.1	Persoalan Kajian 1	84
4.3.2.2	Persoalan Kajian 2	86
4.4	Peratusan Berdasarkan Skala Pilihan Jawapan	89
4.5	Analisis Dapatan Temu Bual	110





4.5.1 Persoalan Kajian 3	111
--------------------------	-----

4.6 Kesimpulan	123
----------------	-----

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan	124
-----------------	-----

5.2 Rumusan Kajian	125
--------------------	-----

5.3 Perbincangan Kajian	127
-------------------------	-----

5.3.1 Tahap Penglibatan Ibu Bapa dari Perspektif Ibu Bapa di TASKA	128
---	-----

5.3.2 Tahap Penglibatan Ibu Bapa dari Perspektif Guru di TASKA	131
---	-----

5.3.3 Kerjasama daripada Ibu Bapa di TASKA	132
--	-----



5.5 Cadangan Lanjutan	140
-----------------------	-----

5.6 Penutup	142
-------------	-----

RUJUKAN

LAMPIRAN





SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
------------	------------

3.1	Kesahan Pakar	60
3.2	Nilai kebolehpercayaan <i>Cronbach Alpha</i>	64
3.3	Nilai kebolehpercayaan <i>Cronbach Alpha</i> Tahap Kebolehpercayaan bagi Faktor-faktor yang dikaji	64
3.4	Interpretasi Skor Min dan Tahap Penglibatan Ibu Bapa di TASKA KEMAS	68
3.5	Kaedah Analisis Data	71
4.1	Keputusan Ujian Kenormalan Data Soal Selidik	74
4.2	Taburan Kekerapan dan Peratus Demografi Responen (Ibu Bapa)	76
4.3	Taburan Kekerapan dan Peratusan Demografi Responden (Guru)	80
4.4	Interpretasi Skor Min	83
4.5	Nilai Min, Sisihan Piawai dan Intepretasi bagi Tahap Penglibatan Ibu Bapa dari Perspektif Ibu Bapa di TASKA KEMAS	84
4.6	Nilai Min, Sisihan Piawai dan Intepretasi bagi Tahap Penglibatan Ibu Bapa dari Perspektif Guru di TASKA KEMAS	87





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
-----------	------------

1.1	Kerangka Konsep	15
2.1	Model Ekologi Pembangunan Manusia (Bronfenbrenner,1979)	29
2.2	Model Proses Penglibatan Ibu Bapa (Hoover-Dempsey & Sandler, 1995)	34
2.3	Kerangka Teori	36
3.1	Prosedur Pengumpulan Data Tinjauan	69
3.2	Prosedur Pengumpulan Data Temu Bual	70
4.1	Tahap Penglibatan Ibu Bapa dari Perspektif Ibu Bapa	91
4.2	Tahap Penglibatan Ibu Bapa dari Perspektif Guru	91
4.3	Tahap Penglibatan Ibu Bapa dari Perspektif Ibu Bapa	93
4.4	Tahap Penglibatan Ibu Bapa dari Perspektif Guru	93
4.5	Tahap Penglibatan Ibu Bapa dari Perspektif Ibu Bapa	95
4.6	Tahap Penglibatan Ibu Bapa dari Perspektif Guru	95
4.7	Tahap Penglibatan Ibu Bapa dari Perspektif Ibu Bapa	97
4.8	Tahap Penglibatan Ibu Bapa dari Perspektif Guru	97
4.9	Tahap Penglibatan Ibu Bapa dari Perspektif Ibu Bapa	99
4.10	Tahap Penglibatan Ibu Bapa dari Perspektif Guru	99





4.11	Tahap Penglibatan Ibu Bapa dari Perspektif Ibu Bapa	101
4.12	Tahap Penglibatan Ibu Bapa dari Perspektif Guru	101
4.13	Tahap Penglibatan Ibu Bapa dari Perspektif Ibu Bapa	103
4.14	Tahap Penglibatan Ibu Bapa dari Perspektif Guru	103
4.15	Tahap Penglibatan Ibu Bapa dari Perspektif Ibu Bapa	105
4.16	Tahap Penglibatan Ibu Bapa dari Perspektif Guru	105
4.17	Tahap Penglibatan Ibu Bapa dari Perspektif Ibu Bapa	107
4.18	Tahap Penglibatan Ibu Bapa dari Perspektif Guru	107
4.19	Tahap Penglibatan Ibu Bapa dari Perspektif Ibu Bapa	109
4.20	Tahap Penglibatan Ibu Bapa dari Perspektif Guru	109





SENARAI SINGKATAN DAN SIMBOL

A-Level	Advanced Level
ANOVA	Analysis Of Variance
HSC	Higher School Certificate
JJ	Jarang-jarang
JKMM	Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia
K	Kerap
KEMAS	Jabatan Kemajuan Masyarakat
KK	Kadang-kadang
KSPK	Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan
LCE	Lower Certificate of Education
LK	Lampiran K
M/S	Muka Surat
MCE	Malaysia Certificate of Education
NCDRC	National Child Development Research Centre
O-Level	Ordinary Level
P	Penyelidik
PAKK	Pendidikan Awal Kanak-kanak
PAPN	Pusat Anak PERMATA Negara
PIBG	Persatuan Ibu Bapa dan Guru
PIBP	Persatuan Ibu Bapa dan Pendidik
PMR	Penilaian Mengengah Rendah
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PT3	Pentaksiran Tingkatan 3
R	Responden
SP	Sisihan Piawai
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS	Statistical Package for the Social Sciences
SRP	Sijil Rendah Pelajaran





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
xvi

STAM	Sijil Tinggi Agama Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
TADIKA	Taman Didikan Kanak-kanak
TASKA	Taman Asuhan Kanak-kanak
TP	Tidak Pernah
%	Peratus
α	<i>Cronbach Alpha</i>
r	Nilai Pekali Korelasi Pearson



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI LAMPIRAN

- A Pengesahan Pelajar untuk Membuat Penyelidikan
- B Pengesahan Pelajar sebagai Ahli Projek 3/TLA
- C Soal Selidik A (Ibu Bapa)
- D Soal Selidik B (Guru)
- E Contoh Data ‘output’ Kajian Rintis
- F Contoh Data ‘output’ Ujian Kenormalan Soal Selidik
- G Contoh Data ‘output’ Kekerapan Demografi Responden
- H Contoh Data ‘output’ Nilai Min dan Sisihan Piawai bagi Tahap Penglibatan Ibu Bapa dari Perspektif Guru
- I Contoh Data ‘output’ Peratusan berdasarkan Pilihan Jawapan
- J Protokol Temu Bual
- K Transkrip Temu Bual





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENGENALAN



05-4506832

**1.1 Pendahuluan**Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Pendidikan awal kanak-kanak merupakan peringkat awal dalam proses pembelajaran untuk seseorang kanak-kanak. Memberi pendedahan dan juga memberi pendidikan awal kepada kanak-kanak membantu dalam perkembangan mereka secara menyeluruh. Penglibatan ibu bapa adalah digalakkan kerana ia adalah elemen penting dalam pelaksanaan kurikulum Prasekolah. Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan awal kanak-kanak adalah merujuk kepada penyertaan serta keterlibatan ibu bapa dalam perkembangan kanak-kanak bukan sahaja di rumah malahan juga penglibatan ibu bapa di TASKA atau TADIKA (Fantuzzo, J., Gadsden, V., Li, F., Sproul, F., McDermott, P., Hightower, D., & Minney, A. , 2013). Oleh hal yang demikian, guru sangat menggalakkan penglibatan ibu bapa dengan mencipta peluang untuk ibu bapa



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



hadir dan terlibat secara langsung dalam aktiviti yang di anjurkan oleh pihak TASKA mahupun TADIKA (Powell, Son, File, dan San Juan, 2010).

Berdasarkan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (2017), penglibatan ibu bapa telah diterapkan. Penerangan tentang kurikulum Prasekolah dan pelaksanaannya kepada ibu bapa atau penjaga perlu diadakan bagi mewujudkan kesedaran tentang pendidikan Prasekolah dan kerjasama untuk memastikan pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan lancar serta berkesan. Perkongsian maklumat antara guru dengan ibu bapa atau penjaga untuk membantu pembelajaran kanak-kanak dan memastikan kesinambungan pengajaran dan pembelajaran dari sekolah ke rumah dan sebaliknya. Hubungan yang baik antara Prasekolah mahupun TASKA atau TADIKA dengan ibu bapa atau penjaga membantu memberi pengajaran yang bermakna dan memberi kesan yang positif terhadap pembelajaran kanak-kanak.

Penglibatan ibu bapa dalam aktiviti berkaitan kanak-kanak adalah dikaitkan dengan peningkatan tingkah laku dan pencapaian akademik kanak-kanak di TASKA. Penglibatan ibu bapa menggalakkan kawalan sosial, iaitu set peraturan yang konsisten mengenai tingkah laku yang sesuai yang dapat disampaikan kepada kanak-kanak di rumah dan di TASKA. Penglibatan ibu bapa juga meningkatkan modal sosial ibu bapa iaitu, kemahiran berkaitan TASKA dan maklumat mereka, membolehkan mereka memberi lebih banyak bantuan kepada kanak-kanak dalam akademik, Brown dan Beckett (2007).





DeJong dan Burtan (2013), kepentingan kerjasama keluarga dan guru yang kuat dan kuasa masyarakat secara positif mempengaruhi pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak adalah nilai-nilai yang menyatukan kita semua dalam pendidikan awal kanak-kanak. Satu strategi awal program kanak-kanak boleh dilaksanakan dengan kerap untuk menguatkan hubungan keluarga dan guru serta membantu membangunkan komuniti kanak-kanak. Kerjasama yang kuat antara keluarga dan guru adalah penting untuk pembangunan yang sihat bagi kanak-kanak kecil malah, mereka juga memberi manfaat kepada ibu bapa dan guru. Menurut Hilado et. al (2011), wujudnya persidangan ibu bapa, menggalakkan ibu bapa menghadiri secara sukarela merupakan bentuk penglibatan ibu bapa adalah kepentingan untuk memulakan penggalakkan serta kesedaran berkaitan pentingnya penglibatan ibu bapa dalam pendidikan awal kanak-kanak.



1.2 Latar Belakang Kajian

Tiga tahun pertama dalam kehidupan kanak-kanak adalah sangat kritikal, terutama dalam pembentukan sahsiah, kemahiran sensorimotor dan intelek (Kurikulum Permata Negara, 2013). Justeru, Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA) yang berkualiti merupakan entiti terpenting dalam pendidikan awal kanak-kanak kerana terdapat bukti-bukti kukuh yang menghubungkaitkan dengan pengalaman pendidikan awal dengan domain perkembangan mereka (Tsao, 2015). Pusat asuhan dan pendidikan awal kanak-kanak adalah satu istilah yang diguna pakai untuk semua jenis pendidikan dan perkhidmatan penjagaan awal kanak-kanak (Phillips dan Lowenstein, 2011). Jeynes (2011), mendefinisikan penglibatan ibu bapa sebagai penyertaan aktif





diri mereka dalam pembelajaran kanak-kanak. Penglibatan ibu bapa di TASKA pada umumnya diukur sebagai penyertaan ibu bapa dalam aktiviti yang berkaitan TASKA dan dikaitkan dengan hasil pencapaian kanak-kanak di TASKA, (Hayakawa, Englund, Warner-Richter, dan Reynolds, 2013). Menurut Yoder dan Lopez (2013), mentakrifkan penglibatan ibu bapa sebagai komunikasi antara rumah dengan sekolah, menyokong pembelajaran kanak-kanak, menyertai aktiviti sekolah dan boleh bersuara untuk membuat keputusan dalam pentadbiran sekolah.

Kurikulum PERMATA Negara turut menekankan kepada kolaboratif dengan ibu bapa dan komuniti. Peranan ibu bapa menjadi kepentingan dalam aktiviti pengasuhan dan pendidikan anak-anak mereka bukan sahaja di rumah malah di TASKA. Penglibatan ibu bapa yang berterusan dapat membantu pembelajaran di TASKA kerana ibu bapa tergolong daripada pelbagai pengalaman dan kepakaran yang boleh dikongsikan bersama kanak-kanak. Penglibatan ibu bapa juga akan melahirkan rasa kepunyaan, menghormati dan menghargai sumbangan yang diberikan oleh guru kepada anak-anak mereka. Bukan sahaja penglibatan dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan malah ibu bapa juga dikehendaki membantu guru dalam aspek pengurusan dan pembelajaran kanak-kanak. Tujuan kolaboratif dengan ibu bapa adalah ibu bapa dan guru mestilah saling mengenali dan sentiasa berhubung untuk memastikan kesejahteraan kanak-kanak semasa berada di TASKA. Hubungan baik antara ibu bapa dan guru akan mengurangkan salah faham atau pertelingkahan dan juga dapat menimbulkan rasa sayang dan hormat pada guru dan TASKA. Sokongan daripada ibu bapa akan memberi semangat kepada guru di TASKA untuk meningkatkan pencapaian kanak-kanak.





Penglibatan ibu bapa di bawah Program PERMATA Negara adalah diwajibkan sekurang-kurangnya satu jam atau empat jam sebulan mengikut kesesuaian masa dan aktiviti yang dijalankan. Keistimewaan Kurikulum ini adalah mewajibkan kolaboratif ibu bapa dengan TASKA untuk menjadi pemangkin kepada perkembangan kanak-kanak serta kesinambungan asuhan dan didikan awal di TASKA dan di rumah. Mengadakan kerjasama erat dengan ibu bapa, ahli keluarga dan juga komuniti adalah perkara yang dititikberatkan dalam pengisian Kurikulum PERMATA Negara. Selain itu, turut menubuhkan Persatuan Ibu Bapa Pendidik (PIBD) yang di anggotai oleh ibu bapa yang menghantar anak-anak ke TASKA serta di pilih dalam Mesyuarat Tahunan. Mereka jug boleh merancang aktiviti-aktiviti kebijakan untuk kebaikan semua pihak di TASKA. Justeru, kurikulum ini berupaya membantu meningkatkan potensi kanak-kanak secara menyeluruh untuk melahirkan modal insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi, jasmani dan sosial.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan untuk mencapai wawasan Negara.

Jabatan Kemajuan Masyarakat atau dikenali sebagai KEMAS telah membuka TASKA yang selaras dengan Falsafah Baru Pembangunan Luar Bandar. Program ini memberi perkhidmatan kepada masyarakat bandar, luar bandar dan pinggir bandar terutamanya bagi golongan berpendapatan rendah dan miskin. Oleh hal yang demikian, pendidikan awal kanak-kanak mula mendapat perhatian yang lebih serius pada tahun 1984. Maka dengan itu, terdapat beberapa pihak mula mencadangkan dan menuntut bahawa pendidikan awal kanak-kanak harus bermula lebih awal, iaitu seawal usia empat tahun. Bagi memenuhi tuntutan tersebut, Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 (Akta 308) telah digubal dan dikuatkuasakan.





TASKA KEMAS menggunakan Modul Asuhan Kanak-kanak, Jabatan Kebajikan Masyarakat yang diintegrasikan dengan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK), Kementerian Pendidikan Malaysia. Aktiviti dilaksanakan mengikut kebolehan, minat dan peringkat umur kanak-kanak dua hingga empat tahun. Komponen pembelajaran yang dilaksanakan secara bersepada seperti Bahasa dan Komunikasi, Pendidikan Kerohanian dan Moral, Perkembangan Kognitif, Perkembangan Sosioemosi, Perkembangan Fizikal, Kreativiti dan Estetika. Pelaksanaan Program TASKA berkonsepkan ‘Kasih Sayang, Kemesraan dan Galakan’. Melalui program ini, kanak-kanak diasuh di tempat dan persekitaran yang selamat, penuh kasih sayang dan galakan yang dapat membantu perkembangan kanak-kanak yang sempurna.



bertanggungjawab menguatkuaskan Akta 308. Akta tersebut memperuntukkan perkara berkaitan pendaftaran, pengawalan dan pemeriksaan TASKA serta perkara yang berkaitan dengannya. Antara perkara-perkara yang perlu diambil perhatian adalah seperti mengasuh, menjaga, menyelia dan mendidik kanak-kanak di TASKA. Selain memastikan keselamatan yang baik, TASKA juga perlu menyediakan peraturan yang sesuai bagi pemakanan, kesihatan dan kesejahteraan kanak-kanak di TASKA adalah sentiasa berada dalam keadaan yang memuaskan. Di samping itu juga, konsep yang perlu diterapkan dalam asuhan dan didikan kanak-kanak di TASKA adalah penyediaan kemudahan dan perkhidmatan pendidikan kanak-kanak dalam suasana yang selamat, ceria dan selesa. Menggalakkan pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak secara menyeluruh, seimbang dan bersepada. Selain itu, menyediakan makanan seimbang dan berkhasiat bagi membantu pertumbuhan dan





perkembangan kanak-kanak serta mengamalkan gaya hidup sihat. Konsep lain yang turut diterapkan adalah menggalakkan kecerdasan dan kemahiran fizikal serta amalan kesihatan, kebersihan dan keselamatan yang baik melalui aktiviti fizikal.

Selain itu, pengetahuan dan kemahiran kanak-kanak ditingkatkan melalui pemupukan dan pengukuhan kepada amalan nilai-nilai murni menerusi usaha-usaha dan program yang terancang dan sistematik. KEMAS turut menggalakkan ibu bapa untuk melibatkan diri secara aktif serta menjalankan kerjasama sebagai rakan kongsi bersama TASKA untuk meningkatkan kualiti dan kecemerlangan pendidikan awal kanak-kanak. Di samping itu, ibu bapa digalakkan untuk menyertai serta terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan seperti aktiviti kokurikulum, pendidikan keibubapaan serta aktiviti keindahan, keselamatan dan kebersihan TASKA. Sesuatu organisasi seperti TASKA yang ingin mempunyai kualiti bukan sahaja diukur kepada kekuatan akademiknya tetapi merangkumi jaringan hubungan yang istimewa dengan ibu bapa dan masyarakat.

Hal ini turut digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2015) berkaitan kerjasama ibu bapa, komuniti dan sektor swasta secara meluas. Anjakan ke sembilan menekankan kerjasama ibu bapa di mana setiap ibu bapa akan menjadi rakan yang aktif dalam proses pembelajaran kanak-kanak, bukan sahaja melalui aktiviti yang lazim seperti hari sukan dan hari penyerahan kad laporan, tetapi juga menerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) yang menyediakan maklum balas tentang hal ehwal pengurusan berdasarkan sekolah. Di samping itu, penggunaan sarana ibu bapa juga menyokong pembelajaran kanak-kanak. Sekolah juga akan mempunyai rangkaian masyarakat dan sektor swasta sebagai rakan yang





mampu memberikan sumbangan kepakaran kepada kemajuan sekolah. Penglibatan semua pihak berkepentingan ini akan mewujudkan ekosistem pembelajaran yang menegaskan pengajaran ilmu, kemahiran dan nilai kepada kanak-kanak di sekolah.

Pelbagai bentuk penglibatan boleh diterapkan dan dilaksanakan di TASKA untuk meningkatkan kekerapan penglibatan ibu bapa dalam aktiviti kurikulum dan kokurikulum sekolah. Dengan terciptanya aktiviti-aktiviti yang dirancang secara sistematik, pengalaman pembelajaran kanak-kanak lebih terjamin dimiliki yang merangkumi aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial. Antara aktiviti-aktiviti berbentuk kurikulum yang boleh dilaksanakan di TASKA yang melibatkan ibu bapa adalah aktiviti gotong-royong sama ada di dalam bilik darjah atau luar bilik darjah. Selain itu, ibu bapa juga boleh membantu serta menyalurkan kemahiran-kemahiran yang dimiliki kepada aktiviti-aktiviti di dalam bilik darjah, aktiviti lawatan juga merupakan aktiviti yang dapat mengeratkan hubungan antara ibu bapa terhadap guru (Laporan Tahunan KEMAS, 2015).

Aktiviti kokurikulum ialah aktiviti luar bilik darjah yang melibatkan kanak-kanak, guru serta ibu bapa. Selain daripada aktiviti lawatan di sekitar sekolah mahupun di luar kawasan sekolah, aktiviti sukan tahunan turut dilaksanakan setiap tahun dan ibu bapa sering melibatkan diri untuk menyokong anak-anak mereka. Di samping itu, sekolah perlu mencungkil dan meraikan bakat-bakat yang dimiliki oleh kanak-kanak menerusi pertandingan seperti pertandingan mewarna, melukis, kraftangan dan uji bakat. Program pameran seperti mempamerkan hasil kerja kanak-kanak atau pameran yang dianjurkan oleh pihak luar serta program hari kanak-kanak sangat digalakkan untuk dijalankan oleh pihak sekolah di samping menggalakkan





penglibatan ibu bapa di TASKA. Penglibatan ibu bapa sebagai keluarga mahupun komuniti memainkan peranan penting dalam penyediaan suasana pembelajaran yang selesa untuk kanak-kanak (Epstein dan Salinas, 2004).

Epstein (1995), mendapati penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak dari sudut kerjasama antara sekolah dan keluarga dalam memahami cara sekolah, keluarga dan komuniti berkongsi tanggungjawab dengan kanak-kanak bagi meningkatkan kejayaan pendidikan mereka. Menurutnya, sekolah, keluarga mahupun komuniti tidak semestinya menyumbang kepada kejayaan sahaja tetapi aktiviti yang dilaksanakan daripada kerjasama sekolah, keluarga dan komuniti mampu memotivasi pelajar terhadap pencapaian kejayaan mereka sendiri (Epstein, 1995). Oleh itu, kerjasama yang ditonjolkan oleh pihak TASKA sangat bermakna dalam mendorong ibu bapa untuk melibatkan diri dalam pendidikan awal kanak-kanak.



Menurut Epstein dan Salinas (2004), hasil yang akan diperoleh oleh kanak-kanak sekiranya wujud kerjasama antara ibu bapa dan TASKA akan meningkatkan pencapaian kanak-kanak termasuklah peningkatan kemahiran dan bakat melalui pengayaan kurikulum dan kokurikulum, kesedaran terhadap pilihan karier dan masa depan pendidikan serta pekerjaan, ganjaran spesifik yang berkaitan dengan program, perkhidmatan, sumber dan peluang yang menghubungkan kanak-kanak dengan masyarakat.





1.3 Penyataan Masalah

Malaysia mempunyai masyarakat majmuk kerana sekolah dan ibu bapa mempunyai peranan yang saling berhubung dalam membentuk generasi yang bersatu padu melalui sistem persekolahan. Keadaan ini boleh dicapai sekiranya hubungan guru dan ibu bapa dieratkan agar dapat meningkatkan kemajuan pendidikan, kebaikan pelajar, pembangunan negara seterusnya pembinaan modal insan kelas pertama (Zainon Omar dan Ahmad Esa, 2008). Guru beranggapan bahawa masalah dankekangan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak di sekolah adalah disebabkan oleh masalah seperti terlalu sibuk, tidak mahu melibatkan diri, tidak mempunyai pengetahuan, kekurangan sumber kewangan bagi membiayai aktiviti yang melibatkan ibu bapa, sikap negatif dan tiada kemahiran (Reduan Mohamad, 2008).



Menurut Alimuddin Mohd Dom (2006), untuk membina hubungan baik, pihak sekolah perlu mengira langkah terlebih dahulu seperti menjemput ibu bapa ke sekolah untuk memberi motivasi atau sokongan kepada guru-guru dan kanak-kanak. Namun dewasa ini, pelbagai permasalahan antara pihak sekolah dengan ibu bapa telah wujud terutama dalam aspek ketidakpuasan hati dengan pengurusan sekolah dan guru-guru sama ada disuarakan melalui media massa, laporan polis atau tindakan guaman. Pemimpin sekolah dan guru kurang berinteraksi dengan ibu bapa dan sering melihat amalan tersebut bukan sebagai keutamaan. Zainon Omar dan Ahmad Esa (2008), mencadangkan sekolah perlu lebih proaktif untuk meningkatkan hubungan guru dengan ibu bapa. Pihak sekolah harus mengambil inisiatif terhadap hubungan yang sedia ada dalam mewujudkan *chemistry* antara guru dengan ibu bapa.





M. Al Muz-Zamil dan Moong (2010), mendapati antara punca – punca ibu bapa kurang melibatkan diri dalam aktiviti dan program di TASKA mahupun TADIKA adalah disebabkan kekangan masa, kurang kesediaan untuk penglibatan, tidak bersuara semasa mesyuarat atas alasan segan dan kurang berminat terhadap masalah yang timbul di TASKA atau TADIKA anak-anak mereka. Sekiranya ibu bapa terus menjauhkan diri daripada memberi kerjasama atau terlibat dengan aktiviti di TASKA, mungkin akan berlakunya konflik atau ketidaksefahaman antara ibu bapa dan guru serta TASKA. Sehubungan itu, penglibatan ibu bapa dalam aktiviti dan program TASKA akan mewujudkan suasana yang harmoni serta persefahaman yang baik dalam kalangan ibu bapa dan guru-guru.

Penglibatan ibu bapa boleh merangkumi pelbagai aktiviti yang di anjurkan oleh TASKA sementara ibu bapa melihat penglibatan tersebut sebagai sokongan kepada kanak-kanak (Harris dan Goodall, 2007). Terdapat juga ibu bapa yang tidak mahu melibatkan diri dalam pendidikan awal kanak-kanak disebabkan masalah-masalah tertentu. Namun, terdapat juga ibu bapa yang tidak tahu bagaimana cara untuk melibatkan diri dalam aktiviti dan program yang dianjurkan oleh sekolah (Abdul Razak Zakaria dan Noraini Mohd Salleh, 2011). Ibu bapa perlu didedahkan tentang kepentingan dan peranan mereka terhadap perkembangan holistik kanak-kanak di sekolah. Hal ini kerana, penglibatan ibu bapa di sekolah dapat mengeratkan kerjasama antara keluarga dengan pihak sekolah serta meningkat secara sistematik dan berkesan. Menurut Kendall (2012), penglibatan aktif ibu bapa dalam pembelajaran kanak-kanak adalah strategi yang disarankan untuk melibatkan keluarga dalam pengalaman pendidikan kanak-kanak. Di samping itu, penglibatan ibu bapa dalam aktiviti di TASKA membolehkan ibu bapa bekerjasama dengan guru-guru di





TASKA melalui penganjuran dan pengendalian sesuatu aktiviti atau program (Kendall, 2012).

Penglibatan ibu bapa merujuk kepada jumlah penyertaan yang diperoleh semasa ibu bapa menyertai aktiviti bersama kanak-kanak di TASKA mahupun TADIKA. Menurut Peters (2012), apabila sesebuah TASKA atau sekolah mempunyai reputasi untuk berjaya, umumnya mereka mempunyai banyak penglibatan dan kerjasama daripada ibu bapa. Hubungan ibu bapa dengan TASKA dapat dipertingkatkan melalui hubungan ibu bapa dengan guru kerana hubungan mereka adalah penting untuk keberhasilan kanak-kanak dalam pendidikan (Agustinho, 2012). Sekiranya penglibatan ibu bapa meningkat, guru juga boleh meningkatkan peluang untuk merealisasikan pembaharuan yang berkualiti dalam pendidikan kanak-kanak



(Sapungan dan Sapungan, 2014). Penglibatan ibu bapa amat penting dalam TASKA mahupun TADIKA kerana pengalaman kanak-kanak di TASKA dan TADIKA merupakan penyediaan asas untuk sokongan dan peluang ibu bapa untuk melibatkan diri dalam program yang di anjurkan di TASKA ataupun TADIKA, Peck (2014). Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan awal kanak-kanak sememangnya memberi manfaat kepada ibu bapa, guru dan yang penting adalah kepada kanak-kanak itu sendiri (Lauren, 2016).

Terdapat juga ibu bapa yang tidak dapat memberi kerjasama dengan pihak Prasekolah bukan sahaja melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti malah tidak mahu terlibat dalam meningkatkan kualiti Prasekolah anak-anak mereka. Ada juga ibu bapa yang sukar menerima pandangan guru berkaitan kurikulum yang ditetapkan oleh pihak Prasekolah. Mereka beranggapan kurikulum tersebut tidak memberi kesan





terhadap perkembangan anak-anak mereka. Selain itu, ibu bapa kurang memberi sebarang idea dalam usaha meningkatkan kurikulum kanak-kanak. Oleh itu, peranan ibu bapa terhadap penglibatan dalam aktiviti-aktiviti Prasekolah memberi kesan positif dalam perkembangan kanak-kanak (Paezah Abd. Halim dan Faridah Yunus, 2016). Terdapat TASKA memupuk penglibatan ibu bapa yang sihat, tetapi ibu bapa seperti teragak-agak untuk mereka melibatkan diri dalam pendidikan awal kanak-kanak (Bartolome, Nordin Mamat dan Abdul Halim Masnan, 2017).

Penglibatan ibu bapa dalam aktiviti di TASKA mahupun sekolah di seluruh negara masih belum mencapai tahap yang membanggakan dan perlu dipertingkatkan (Halimah Abdul Majid, Eow, Chuah, 2017). Oleh itu, peranan ibu bapa perlu diperluaskan sebagai rakan kongsi untuk meningkatkan keberhasilan kanak-kanak.



Usaha dalam meningkatkan penglibatan ibu bapa dengan aktiviti serta program di TASKA sangat mencabar kerana penglibatan sebenar ibu bapa bukan sekadar hadir dalam sesuatu aktiviti atau program. Sebaliknya, penglibatan sebenar ibu bapa merujuk kepada kuasa memperkasakan TASKA mahupun TADIKA yang ada pada ibu bapa. Penekanan ini telah digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).





1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk meneroka penglibatan ibu bapa dalam didikan kanak-kanak di TASKA KEMAS.

1.5 Objektif Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji telah mengemukakan beberapa objektif kajian iaitu:

1. Mengenal pasti tahap penglibatan ibu bapa dari perspektif ibu bapa di TASKA KEMAS.
2. Mengenal pasti tahap penglibatan ibu bapa dari perspektif guru di TASKA KEMAS.
3. Mengkaji sejauh mana kerjasama daripada ibu bapa di TASKA KEMAS.



1.6 Persoalan Kajian


Kajian ini terdapat beberapa persoalan kajian antaranya ialah:

1. Apakah tahap penglibatan ibu bapa dari perspektif ibu bapa di TASKA KEMAS?
2. Apakah tahap penglibatan ibu bapa dari perspektif guru di TASKA KEMAS?
3. Sejauh manakah ibu bapa memberi kerjasama di TASKA KEMAS?



1.7 Kerangka Konsep

Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konsep bagi kajian ini berkaitan kerjasama dan penglibatan ibu bapa di TASKA KEMAS.



Rajah 1.1. Kerangka Konsep

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji penglibatan ibu bapa dalam pendidikan awal kanak-kanak di TASKA KEMAS negeri Perak. Fokus kajian tertumpu kepada kekerapan ibu bapa terlibat secara langsung serta kerjasama daripada



ibu bapa di TASKA KEMAS. Kerjasama mahupun penglibatan ibu bapa sangat penting dan seharusnya sejak dari pendidikan awal kanak-kanak lagi seperti penglibatan di TASKA.

Apabila ibu bapa mempunyai kerjasama dengan TASKA dan sering terlibat dengan program serta aktiviti yang dijalankan, ibu bapa akan lebih memahami dan mengetahui tentang keperluan dan kepentingan setiap kanak-kanak di TASKA. Selain itu, kepentingan penglibatan ibu bapa di TASKA dapat memberi sokongan dan manfaat dalam perkembangan dan pembelajaran kanak-kanak. Kajian ini mengharapkan ibu bapa sedar bahawa kerjasama ibu bapa dengan TASKA adalah sangat penting untuk perkembangan pendidikan kanak-kanak. Selain itu, ibu bapa perlu memandang serius dan bertanggungjawab terhadap kepentingan kerjasama mahupun penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak. Ibu bapa seharusnya meluangkan masa untuk turut serta dan terlibat secara langsung dalam setiap aktiviti dan program yang dianjurkan oleh TASKA.

Kajian ini akan memberi kesedaran yang tinggi kepada ibu bapa dan TASKA berkaitan kerjasama dan sokongan daripada ibu bapa dalam menjayakan sesuatu aktiviti atau program yang seharusnya mementingkan ibu bapa untuk mengambil bahagian dan turut serta. Oleh itu, guru-guru TASKA juga perlu memainkan peranan penting dalam meningkatkan penglibatan dan kerjasama daripada ibu bapa mengikut kesesuaian masa untuk menjalankan aktiviti atau program di TASKA supaya ibu bapa boleh menghadirkan diri serta terlibat secara langsung.





1.9 Batasan Kajian

Batasan kajian menjelaskan had atau limitasi kajian daripada pelbagai aspek metodologi seperti batasan sampel, lokasi, instrumen dan prosedur kajian (Ghazali Darusalam dan Sufean Husin, 2016). Kajian ini telah menggariskan beberapa batasan tertentu kerana hanya dijalankan di TASKA. Pengkaji hanya menjalankan kajian di Zon Tengah iaitu negeri Perak dan hanya memilih satu agensi sahaja iaitu KEMAS. Hal ini kerana agensi KEMAS sudah diketahui umum dan sedia ada setelah sekian lama yang menyediakan program pendidikan awal kanak-kanak. Hasil kajian ini hanya terbatas di negeri Perak sahaja. Namun pengkaji mengharapkan agar pengkaji lain dapat mengkaji di negeri-negeri lain atau agensi-agensi lain berkaitan penglibatan ibu bapa di TASKA mahupun TADIKA.



Kajian ini juga terbatas dari segi masa, ini kerana kajian ini perlu disiapkan dalam jangka masa yang telah ditetapkan. Jenis responden yang terlibat adalah daripada golongan ibu bapa dan guru TASKA KEMAS. Selain itu, setiap temu janji dengan responden perlu disusun dan dijadualkan sebaik mungkin bagi memperoleh data yang diperlukan untuk kajian ini. Skop responden kajian ini tidak besar kerana hanya memilih satu agensi iaitu KEMAS sahaja. Hal ini dapat menjimatkan masa dan kos perbelanjaan pengkaji untuk menjalankan kajian. Namun limitasi tersebut akan diatasi dengan menggunakan dua instrumen iaitu soal selidik dan temu bual yang merangkumi reka bentuk kaedah gabungan. Setiap gerak kerja disusun dengan sebaik mungkin bagi menyempurnakan objektif kajian ini. Oleh itu, pengkaji merasakan kerjasama antara responden sangat penting untuk mempunyai hubungan dan





kolaboratif yang baik supaya maklumat data yang dikumpul dan diperolehi dapat memenuhi persoalan kajian ini.

1.10 Definisi Operasional

Dalam kajian ini, terdapat beberapa istilah yang diguna pakai bagi menerangkan maksud yang sesuai kepada kajian ini. Berikut dijelaskan definisi istilah dan konsep penting yang diguna pakai dalam kajian ini.

1.10.1 Penglibatan ibu bapa



Suresh Kumar (2011), ibu bapa didefinisikan secara meluas sebagai seorang dewasa dan matang yang bertanggungjawab dan mengambil berat ke atas emosi dan kewangan serta memberi bimbingan dan sokongan kepada anak-anak yang masih di dalam tanggungan mereka yang masih bersekolah. Penglibatan ibu bapa merujuk kepada peranan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak di TASKA. Pelbagai bentuk penyertaan di titik beratkan sebagai penglibatan ibu bapa dalam pendidikan di TASKA. Ibu bapa digalakkan menyumbang sokongan terhadap pendidikan anak-anak dengan melibatkan diri dalam setiap majlis dan aktiviti serta program yang dianjurkan oleh pihak sekolah. Kendall (2012), turut menakrifkan penglibatan ibu bapa sebagai penglibatan ibu bapa dalam aktiviti seperti sukarela di sekolah, berkomunikasi dengan guru, mengambil bahagian dalam aktiviti akademik di rumah, menghadiri mesyuarat serta persidangan mahupun program yang dianjurkan oleh pihak sekolah. Menurut





Daniel, Wang dan Berthelsen (2016), penglibatan ibu bapa ditakrifkan sebagai ibu bapa mewakili dan memberi komitmen serta meluangkan masa untuk membantu perkembangan akademik kanak-kanak. Penglibatan ibu bapa dalam kajian ini adalah penyertaan serta kehadiran ibu bapa dalam menghadiri dan menyertai program-program dan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh TASKA KEMAS.

1.10.2 TASKA

Kementerian Pelajaran Malaysia (2011), TASKA ialah akronim bagi taman asuhan kanak-kanak yang didefinisikan sebagai mana-mana premis yang menerima masuk empat orang atau lebih kanak-kanak di bawah umur empat tahun yang dijaga dalam



menyatakan TASKA adalah tempat (institut, tempat kerja atau komuniti) kanak-kanak di bawah umur empat tahun menerima asuhan alternatif yang disediakan oleh pengasuh. Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 (Akta 308), Taman Asuhan kanak-kanak (TASKA) bermaksud mana-mana premis yang menerima empat orang atau lebih kanak-kanak di bawah umur empat tahun dan lebih daripada satu isi rumah (dua atau lebih keluarga) untuk dijaga dengan upah. Dalam kajian ini, TASKA merujuk kepada premis yang memberi asuhan dan didikan kepada kanak-kanak yang berusia dua hingga empat tahun di agensi KEMAS.





1.10.3 Kanak-kanak

Kanak-kanak didefinisikan sebagai seseorang yang di bawah umur 18 tahun seperti yang termaktub dalam Akta Kanak-Kanak 2001 (Dasar Perlindungan Kanak-kanak Negara). Kanak-kanak bermaksud seseorang yang dibawah umur 18 tahun seperti yang termaktub dalam Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak dan Akta Kanak-kanak 2001 (Dasar Kanak-kanak Negara). Akta Penjagaan Kanak-kanak 1961 pula membahagikan tafsiran kanak-kanak kepada dua iaitu bagi kanak-kanak Islam, umur dewasanya adalah 18 tahun, manakala bagi kanak-kanak bukan Islam, umur dewasanya adalah 21 tahun. Akta 611 telah mendefinisikan kanak-kanak dalam seksyen 2 sebagai seseorang yang di bawah umur 18 tahun dan berhubung dengan prosiding jenayah, seseorang yang sudah mencapai umur bagi bertanggungjawab jenayah sebagaimana yang ditetapkan dalam seksyen 82 Kanun Keseksaan. Melalui kajian ini, kanak-kanak yang terlibat adalah kanak-kanak yang berumur dua hingga empat tahun yang bersekolah di TASKA KEMAS.

1.10.4 Didikan

Menurut Zakaria Stapa, Noranizah Yusuf, Abdul Fatah Shaharudin (2012) didikan membawa maksud menjaga, pelihara dan ajar. Melalui kajian ini, didikan didefinisikan sebagai asuhan, bimbingan, tunjuk ajar, latihan serta pelajaran di yang diberikan oleh guru kepada kanak-kanak di TASKA KEMAS.





1.11 Kesimpulan

Secara ringkasnya, bab 1 telah membincangkan tentang latar belakang berkaitan tajuk kajian iaitu Penglibatan ibu bapa dalam didikan kanak-kanak di TASKA KEMAS di Perak. Bab ini turut membincangkan objektif kajian dan persoalan kajian yang ingin dijawab serta limitasi kajian. Penggunaan istilah-istilah yang digunakan dalam kajian ini juga diperjelaskan secara terperinci dalam definisi operasional supaya maksud perkara yang ingin dikaji mudah di fahami. Bab 2 pula akan membincangkan tinjauan yang dijalankan berdasarkan kajian-kajian lepas dan teori-teori serta model yang digunakan dalam kajian ini.

